

10 DEC 2000

Pandithan-IPF

PANDITHAN HARAP IPF DITERIMA SERTAI BN

SEREMBAN, 10 Dis (Bernama) -- Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF) yang telah kira-kira 10 tahun menyokong Barisan Nasional (BN) berharap kejujuran perjuangan mereka akan diiktiraf oleh puncak pimpinan BN dan menerima parti itu menyertai BN untuk membolehkannya memainkan peranan penting secara rasmi sebagaimana parti-parti komponen BN.

Presidennya Datuk M.G.Pandithan hari ini berkata beliau berharap pemimpin-pemimpin BN pada peringkat negeri, Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri dapat menghantar mesej kepada puncak pimpinan BN tentang bilangan anggota IPF agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat mengambil keputusan positif terhadap IPF.

"IPF menyokong kuat BN dan telah bekerja keras pada pilihan raya umum lepas serta pilihan raya kecil Teluk Kemang dan Lunas baru-baru ini," katanya semasa berucap pada Persidangan Perwakilan IPF Negeri Sembilan ke-9, yang dirasmikan oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di sini.

Pandithan berkata oleh kerana "belum lagi diiktiraf" oleh pucuk pimpinan, keadaan itu telah memberi ruang kepada pembangkang untuk mencaci dan menghina parti itu dengan kata-kata yang melukakan.

"Mereka memanggil kita "the running dog of BN"...pembangkang ambil kesempatan memanggil kita "the working slave of BN," katanya.

Bagaimanapun, katanya, semuanya itu tidak akan melemahkan semangat atau mencacatkan perjuangan IPF dan menganggapnya sebagai satu ujian dan cabaran yang perlu dihadapi dengan kesabaran.

"Kita akan bersabar hingga satu hari Perdana Menteri akan memberi ruang kepada kita untuk memainkan peranan penting dengan parti-parti komponen BN secara rasmi," katanya.

Katanya hanya BN yang boleh menyatukan masyarakat berbilang kaum dan mewujudkan perpaduan, kestabilan politik serta pertumbuhan ekonomi supaya rakyat negara ini tanpa mengira kaum boleh terus hidup aman damai.

Oleh sebab itu katanya, IPF dengan anggota kira-kira 500,000 orang perlu berada di bawah BN.

Katanya IPF perlu segera berada di bawah BN kerana anggota IPF khususnya pekerja estet dan yang berpendapatan rendah memerlukan wakil politik.

Beliau mengakui sebilangan anggota IPF berada dalam dilema kerana tidak pasti masa depan mereka dan beliau menerangkan kepada mereka bahawa masa depan mereka hanya dengan BN.

"Kita tidak ada pilihan lain, kita tidak ada parti lain, kita tidak ada tempat lain selain daripada BN," katanya.

-- BERNAMA

AZ RI